



PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3369]

**URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN
MESHUARAT (USUL) [Ruangan 3393]**

**PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA—
(Atoran Urusan Meshuarat Berchetak—Pindaan) [Ruangan 3394]**

RANG UNDANG²:

**Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1967) Jawatan-kuasa
Perbekalan [Ruangan 3395]**

The Excise (Amendment) Bill [Ruangan 3400]

**The Malayan Estates Staff Provident Fund (Amendment) Bill
[Ruangan 3402]**

The Hire Purchase (Amendment) Bill [Ruangan 3404]

The Federal Capital Act (Amendment) Bill [Ruangan 3405]

The Municipal (Amendment) Bill [Ruangan 3406]

The Town Boards Enactment (Amendment) Bill [Ruangan 3407]

**Rang Undang² (Menguat-kuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami
dan Kanak² [Ruangan 3414]**

PENANGGOHAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 3420]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Sabtu, 20hb Januari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- Yang Berbahagia Menteri Pengangkutan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan,
 TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
 TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
 TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
 TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
 (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
 di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
 RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
 A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
 (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
 (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
 (Jitra-Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Parit).

Yang Berhormat TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ (TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN
HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
(Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN
AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENGURANGKAN GAJI DAN KEMUDAHAN² MENTERI² DAN AHLI² PARLIMEN

1. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Perdana Menteri boleh-kah beliau memberi pertimbangan supaya di-kurangkan gaji dan kemudahan² Menteri² dan Ahli² Parlimen sa-bagai menunjukkan simpati Kerajaan Perikatan terhadap kesusahan dan penderitaan ra'ayat Malaysia dengan turun-nya nilai wang lama Malaysia dengan serta-merta.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-

Pertua, saya fikir tidak patut dan tidak 'adil jikalau di-kehendakkan pegawai² Kerajaan juga Ahli² Dewan ini menunjukkan simpati-nya kepada orang yang barangkali menerima kerugian disebabkan oleh devaluation dengan mengurangkan gaji, atau pun emoluments, atau privileges Menteri² dan juga Ahli² Dewan Parlimen.

I do not see any wisdom or virtue, Sir, in the proposal by the Honourable Member for members of the Government and Members of this House to show sympathy by reducing the emoluments and privileges of Ministers and Members of Parliament. Such action, in my view, will not in any way compensate for their losses nor alleviate the pains caused by the losses. There is neither wisdom nor virtue in seeking to ease one's pains by inflicting pain on others. After all, some Ministers and some Members of Parliament might themselves have suffered losses and to

reduce their emoluments further would add to their suffering. Furthermore, the losses suffered are not very great: it is only those who were hoarding money and not putting their money in the bank or post office who suffered. So I would say to the Honourable Member that there is no need to make a mountain out of a molehill.

Dr Tan Chee Khoo (*dengan izin*): Tuan Yang di-Pertua, is the Honourable Deputy Prime Minister aware of the repeated calls by the Minister of Finance, not only on Thursday, but time and again in this House—he has asked for sacrifices from the people of this country, in particular from the workers of this country, so as to perhaps make them realise that they should not ask for bigger salaries? In view of this tightening of the belt that the Minister of Finance wants the people of this country to make, should not such a tightening of the belt be set from above—should not the Ministers and Parliamentarians set an example and then, perhaps, the people of the country, the rest of the country, can follow suit?

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, that is a separate question. The Member is endeavouring to connect this with devaluation. What my Honourable friend and colleague the Minister of Finance asked the country to do was to tighten their belt, in view of the financial difficulties of the country. As my Honourable colleague has already explained, we in the Government are taking whatever measures necessary to effect economies in Ministries and Departments, and we do hope that members of the Public Service and members of the trade unions, employers and employees, will play their part in this drive to reduce expenditure and to effect economies.

USAHA² DAN TINDAKAN² UNTOK MENUBOHKAN SA-BUAH KOMENWEL ISLAM

2. Tuan Aziz bin Ishak bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah usaha² dan tindakan² yang telah diambil oleh beliau bagi melaksanakan chita²-nya untuk menubuhkan sa-buah Komenwel Islam.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, semenjak dari pertama kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut perkara ini, telah dibincangkan-nya dengan pemimpin² Negara² Islam, akan tetapi saya tidak dapat-lah hendak menerangkan kejayaan di-atas hal ini kerana sambutan yang telah di-terima sa-hingga hari ini di-atas chadangan ini belum-lah lagi memuaskan hati.

PEGAWAI² KERAJAAN YANG TELAH PENCHEN DI-AMBIL SA-MULA BEKERJA OLEH KERAJAAN

3. Tuan Aziz bin Ishak bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) berapa bilangan Pegawai² Kerajaan yang telah penchen yang di-ambil sa-mula oleh Kementerian² dan Jabatan² sa-hingga hari ini;
- (b) ada-kah Kerajaan berchadang hendak menghapuskan dasar mengambil balek orang yang telah penchen atau mengadakan satu ranchangan lain.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pegawai² Kerajaan Persekutuan yang telah bersara dan di-ambil sa-mula bekerja sa-hingga hari ini ada-lah 213 orang. Kerajaan tidak ada mempunyai dasar yang tertentu di-atas hal ini, pegawai² yang telah bersara di-ambil bekerja, jika tidak ada pegawai² tetap yang mempunyai kelayakan hendak memenohi jawatan itu. Ambilan ini ia-lah bagi sementara sahaja, dan biasa-nya di-ambil pegawai² yang bersara itu di-ambil memegang jawatan yang di-katakan time-scale dan tidak menyentoh, atau pun menghalang kenaikan pangkat pegawai² biasa. Dan lagi pegawai² yang bersara itu di-ambil sementara sahaja dan bila ada pegawai² tetap yang mempunyai kelayakan hendak memegang jawatan itu, pegawai yang bersara itu biasa-nya di-beri notis sabulan lama-nya berhenti daripada jawatan.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

beri tahu kepada Rumah Yang Berhormat ini, ia-ini pegawai² yang bersara yang di-ambil oleh Kerajaan Pusat kata-nya sementara sahaja—sementara itu ada-kah satu tahun, dua tahun, lima tahun, ka-berapa tahun?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi sementara jika tidak ada pegawai² tetap yang berkelayakan untuk memegang jawatan itu. Bila ada sahaja pegawai tetap yang berkelayakan untuk memegang jawatan itu, pegawai yang bersara itu akan di-berhentikan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Timbalan Perdana Menteri sedar kalau pegawai² yang bersara yang di-ambil oleh Kerajaan Pusat, maka penuntut² yang keluar dari sekolah, atau universiti tidak boleh memasuki kerja Kerajaan Pusat oleh sebab ada pegawai² yang bersara di-situ.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat sama ada dia tidak faham, atau dia sengaja tidak faham bilangan yang di-ambil, pegawai² yang bersara di-ambil ini sedikit dan bukan-lah hendak memenuhi jawatan yang baru, yang boleh di-penohkan oleh graduate² daripada Universiti. Jawatan² yang diberi kepada pegawai² sementara ini, jawatan yang barangkali berkehendakan pengalaman, atau pun pengetahuan khas yang belum lagi di-punyai oleh pegawai² tetap di-dalam Perkhidmatan 'Am—itu sahaja dan pengambilan-nya seperti saya kata tadi bagi sementara.

MEMBERSHIP OF A.S.E.A.N.

4. Tuan Ong Kee Hui (Sarawak) [*under Standing S.O. 24 (2)*] asks the Prime Minister whether the Government considers it desirable to enlarge the membership of ASEAN, and if so, to state whether he will consider taking steps to hold discussions with the Governments of South East Asian nations like Burma, Laos and Cambodia, with a view to obtaining their participation as members of ASEAN.

Tun Haji Abdul Razak (*dengan izin*): Sir, it is the intention of the founding members of ASEAN that its membership should comprise all countries in this region. The participation of these countries in the Association will not only make the Association more representative but will also strengthen it. Malaysia would always welcome and hope for the participation of all these countries mentioned by the Honourable Member. The Government of Malaysia at present does not propose to hold discussions with these countries with a view to obtaining their participation. However, should they decide to become members in the near future, or show their interest in becoming members, Malaysia will certainly give its full support.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Deputy Prime Minister enlighten this House that this ASEAN is only for trade, cultural and economic regionalism, and that it will have nothing to do with defence or offence, or that the element of defence by converting it into another SEATO, will not creep in? Is he not aware that if this element does creep in, then certainly the three countries mentioned—Burma, Laos and Cambodia—will not touch ASEAN with a barge pole?

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, as I said yesterday, the Honourable Member for Batu certainly has a very very fertile imagination. This ASEAN is a regional co-operation founded by countries in this region—Thailand, Philipines, Indonesia, Singapore and Malaysia—and as was clearly stated in the statement made at the end of the Conference in Bangkok, the main purpose of this Association was to co-operate in the fields of economics, social and cultural, and to work together for the sake of peace and co-operation in this region of South East Asia.

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, is the Honourable Deputy Prime Minister not aware that, far from these suggestions of mine springing from my fertile mind, at least two partners of ASEAN have recently

been breathing fire and brim stone against a certain Asian power in this part of the world?

Tun Haji Abdul Razak: Sir, that certainly is not a matter for this Government.

**ARAHAN KAPADA KETUA²
KAMPONG DI-RUMAH² PANJANG
BERKENAAN DENGAN RA'AYAT²
SARAWAK MENGAMBIL BAHAGIAN
DALAM RANCHANGAN²**

5. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kepada Perdana Menteri adakah benar bahawa Kerajaan Pusat telah memberi arahan kepada Ketua² kampung di-Rumah² Panjang tidak membenarkan ra'ayat² Sarawak mengambil bahagian dalam apa² ranchangan kechuali mereka menjadi ahli Parti Perikatan atau Parti Pesaka terlebih dahulu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya, tidak benar.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Tuan Yang di-Pertua, betul Yang Amat Berhormat Menteri ini berkata tidak benar, kerana dia tidak ada dalam kawasan itu. (*Ketawa*). Saya yang tahu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau benar tentu saya dengar perkara ini.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya cheritakan sedikit supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh mendengar. Banyak-lah yang hairan sekarang dari kuasa Ketua kampung, Ketua Rumah di-Rumah Panjang, atau pun ku-sila; dia memberi amaran kepada ra'ayat dalam Sarawak dalam kawasan perang: jikalau ra'ayat menyokong Parti Alliance, atau Parti Pesaka, baharu-lah dapat pertolongan scheme² dari Kerajaan (*Ketawa*)—bagitu-lah chakap-nya. Jikalau kita menyokong Ahli² Parti Pembangkang tentu-lah senapang kena di-perintah; tentu-lah anak kita tidak boleh bersekolah; betul-lah anak kita tidak dapat kerja dengan pemerintah hari ini. Bagitu-lah perchakapan-nya itu. Saya uchapkan terima kaseh kepada

Timbalan Perdana Menteri; dia tidak ada dengar, dia tidak perchaya, tetapi saya yang dengar, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Timbalan Perdana Menteri itu berjanji kepada Rumah Yang Berhormat ini, oleh sebab di-dalam pilihanraya di-Negeri Sarawak tidak berapa lama lagi akan diadakan di-sana Kerajaan Pusat tidak akan membuat kejadian yang khuatir, atau bimbang oleh wakil dari Sarawak?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak perkara yang khuatir, atau bimbang yang disebut itu. Ahli² Parti Perikatan adalah berhak meminta sokongan² daripada ra'ayat negeri ini. Jadi ini ada-lah kewajipan parti—Parti Buroh, atau parti lain pun buat sa-macham itu. Jadi Parti Perikatan berhak menjalankan daayah dan juga memberi ketenangan² dan menarik sokongan² daripada ra'ayat negeri ini.

**RANCHANGAN² YANG DIJALANKAN OLEH ASPAC UNTUK
MENJAGA KESELAMATAN
NEGARA² ANGGOTA DAN
KERJASAMA DALAM
LAPANGAN EKONOMI**

6. Dato' Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar bertanya kepada Menteri Luar Negeri adakah Majlis Asia dan Pasifik (ASPAC) di-bentok pada bulan Jun 1966 bertujuan mendapatkan kerjasama menjaga keselamatan negara² anggota dari pencherobohan Kominis dan kerjasama dalam lapangan ekonomi, dan jika benar, sa-takat ini, apa-kah ranchangan² yang sedang di-jalankan oleh ASPAC bagi melaksanakan tujuan ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ASPAC ada-lah di-tubuhkan dengan tujuan hendak mengokohkan pertalian-nya yang sedia ada antara negara² anggota-nya di-Asia ini menerusi kerjasama daerah dalam bidang ekonomi, sosial, teknik dan juga pennerangan.

Dalam tiap² lapangan ini berbagai² projek telah di-ranchangkan dan

sekarang ini masih dalam peringkat kajian. Sa-bagai contoh-nya projek² itu ia-lah termasuk penubohan Daftar Perkhidmatan Pakar di-Canberra juga Pusat Sosial dan Kebudayaan di-Seoul dan juga Bank Baja, dan Jawatan-kuasa Tetap ASPAC, sekarang ini adalah di-tempatkan di-Canberra.

Jawatan-kuasa ini bersidang dari satu masa ka-satu masa untuk menim-bangkan projek² yang telah di-shorkan itu, dan ada-lah di-jangkakan bahawa daripada satu masa ka-satu masa dapat-lah di-laksanakan projek² yang telah di-shorkan itu.

**TALKS IN MANILA ON
PHILIPPINES' CLAIM TO SABAH,
SMUGGLING, ETC.—STATEMENT
BY THE DEPUTY PRIME
MINISTER**

7. Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): asks the Deputy Prime Minister to give a statement on the recent talks in Manila especially as regards the Sabah Claim, smuggling and Filipino workers in Sabah and whether he is aware that while he tried to establish friendly relations with the Philippines, the Immigration Department in Kota Kinabalu committed a faux pas with regard to the reception of Mr Fernandes Faberas.

8. Tuan C. V. Devan Nair (*dengan izin*) asks the Deputy Prime Minister whether he would consider making a statement relating to the outcome of his recent talks with leaders of the Philippines Government relating to the Philippines claim to Sabah.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris dan saya mohon izin menjawab soalan yang ketujuh dan ke-lapan sekali kerana kedua² ini ada-lah sama sahaja.

Mr Speaker, Sir, my visit to Manila recently was at the invitation of the Philippines Foreign Secretary Mr Ramos on behalf of the Philippines Government. It was essentially a goodwill visit. However, we had informal discussions on the subject mentioned by the Honourable Members. As far as the claim was concerned, Mr Ra-

mos and I made separate statements to the Press, that since there are more urgent matters at hand relating to the implementation of the Anti-Smuggling Agreement and the proposed Labour Agreement, it was decided that it would be best that the date and the place for talks at official level on this claim to be left open for the time being.

Sir, I sincerely feel that my visit to the Philippines and subsequently the recent visit by President Marcos to Malaysia have been able to do much in building up renewed feelings of warmth and friendliness between our two nations, which are most important for peace and co-operation among the countries of this region.

On the subject of the reception given at Kota Kinabalu to Mr Faberas it was unfortunate, but it was a minor matter. The Ministry of Foreign Affairs came to know about the departure of Mr Faberas to Kota Kinabalu only after he had arrived there, and this had made it impossible for the Ministry to inform the State Government of Sabah in time. The position subsequently explained to Mr Faberas and he fully understood it and had indicated satisfaction of the treatment given him subsequently. It is so unfortunate that such a minor matter should be given unnecessary publicity. One would expect that in the interests of good relations between countries such matters should be played down as much as possible.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable the Deputy Prime Minister aware that, while it may be that Mr Fernandes Faberas himself was satisfied with the explanation given by either the Minister of Foreign Affairs, or by the Immigration Department, the Filipino Press as a whole are very very touchy about such things and that we on our part, if we want to help maintain friendly relations with the Philippines, should do nothing of this nature to offend the Filipinos? Is the Honourable the Deputy Prime Minister also not aware that the Immigration Department should perhaps have adopted a more flexible attitude towards such a

matter instead of sticking rigidly to the rules, and perhaps if they had done that, it might not have caused this uproar in the Filipino Press over this matter?

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, this Government cannot be responsible for the Press in the Philippines, in the same way that we cannot be responsible for the Press in this country. But, as I have explained, we only came to know about the departure of Mr Faberas to Sabah after he had arrived, and the Immigration Department had not been informed about it. Naturally, it is difficult for the Immigration Department to know who and who, and we have got to be very careful, and the Immigration Department has to be very careful in allowing people to come into this country—it is the Department's duty. If it had turned out to be the other what, supposing this gentlemen happened to be an undesirable element, and way the Immigration Department had allowed him in and given him special treatment, then the officers would be held responsible. As I said, it was unfortunate that we were not told about his arrival in time; otherwise, this thing would not have happened. This is a minor matter and we would not wish this to be given unnecessary publicity, because we have explained it to the person concerned and he is satisfied with the explanation, and I know that the Philippines Government is now fully satisfied with our explanation.

SAVINGS BY MINISTRIES AND DEPARTMENTS

9. Tuan Ong Kee Hui [*under S.O. 24 (2)*] asks the Deputy Prime Minister:

- (a) whether he would name the Ministries and Departments which have shown, in his own words as quoted in the *Eastern Sun* of 25th November, 1967, "positive savings out of their existing provisions in the current year by not indulging in 'christmas shopping'";
- (b) what favourable consideration, as promised, the Treasury has

agreed to give such Ministries and Departments; and

- (c) whether he would name the Ministries and Departments which have failed to economise on their expenditures and what steps the Government proposes to take to cure them of their extravagance.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris. Sir, as far as I am aware, all Ministries and Departments are complying with the direction to economise on Government expenditure.

The Government hopes to introduce a new system of budgeting in the near future, and it is hoped that by this system it will be possible to allocate funds to various Ministries and Departments on a more modern and scientific basis to achieve economy and to abolish waste.

Dr Tan Chee Khoon: Is the Deputy Prime Minister not aware that perhaps the purchase of a "Chevrolet" that was explained yesterday in exchange for a Jaguar Mark 10 might be construed by the people of this country as one of the items of Christmas shopping indulged in by Ministers?

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Mr Speaker, Sir, can I speak in English? (Mr Speaker indicates assent). Mr Speaker, Sir, I think, far from castigating the Government for that transaction, the Honourable Member should compliment us. He should know, as well as anybody else, that a Chevrolet costs far less than a Jaguar. Secondly, although I am not quite sure of what he is referring to, I would like to assure the Honourable Member, that as a matter of principle, cars are not changed or discarded until we are completely satisfied that they are no longer serviceable or economical to run, and for this purpose the Treasury seeks the help of the experts in the Jabatan Kerja Raya.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister of Finance tell us what is the ordinary

life of a Jaguar Mark 10, seeing that this particular Jaguar Mark 10 was bought in 1964? Is the period of three years the average life of a Jaguar Mark 10, or is the Jaguar Mark 10, like the Mercedes Benz, capable of a useful life for 10 years?

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali):

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan soalan Ahli daripada Batu—saya tidak biasa memakai Jaguar Mark 4 atau Mark 10—Yang saya pakai, yang sudah ia-lah Chaverolet-Impala dan di-tukar dengan Chaverolet-Impala juga. Motokar itu, motokar yang lama telah pun di-beli dalam tahun 1964, di-pakai sa-lama 2 tahun sa-tengah dan perjalanan yang di-buat lebeh daripada 70,000 batu dan perbelanjaan membaiki motokar yang lama itu dalam tahun 1967 ia-lah lebeh kurang \$1,400 kerana selalu sahaja rosak dan juga kalau motokar itu telah rosak di-tengah jalan, saya terpaksa tunggu di-tengah jalan sementara menunggu foreman datang membaikinya lebeh daripada dua tiga jam.

Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum sa-bagai Menteri Pertanian saya terpaksa berjalan jauh dan tak boleh selalu berjalan daripada satu tempat ka-satu tempat menaiki kapal terbang, atau pun keretapi dengan sebab tempat² yang saya terpaksa pergi sama ada melawat, membuka meshuarat atau pun melawat ranchangan, memeriksa dan sa-bagai-nya ia-lah kawasan² di-luar bandar.

BILANGAN ORANG YANG DI-TEMBAK MATI OLEH POLIS ATAU PEHAK TENTERA DALAM MASA KEKACHAUAN DI-PULAU PINANG

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa ramai-kah orang yang telah di-tembak mati oleh Polis atau pehak Tentera dalam masa kachau bilau di-Pulau Pinang baharu² ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, empat (4) orang.

NEGERI² YANG TIDAK TERLIBAT DENGAN KEKACHAUAN YANG BERLAKU DI-PULAU PINANG DAN NEGERI² LAIN, MALAYSIA BARAT

11. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, negeri mana-kah di-Malaysia Barat yang tidak terlibat langsung dengan kekachauan yang berlaku di-Pulau Pinang dan di-negeri² lain di-Malaysia Barat.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, negeri² yang boleh di-katakan tenang dan tidak ada langsung risek² dalam masa pergaduhan ini ia-lah Negeri Pahang dan Negeri Trengganu.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—apa-kah tidak termasuk salah satu daripada-nya negeri Kelantan, atau pun ada di-negeri Kelantan rusohan itu sebab di-negeri Kelantan tidak disebut oleh Timbalan Perdana Menteri.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh tidak ada pergaduhan berlaku, tetapi keadaan sa-tengah² tempat ada-lah tegang. Saya kata di-dua negeri ini tenang dan tidak ada risek² sedikit pun, aman dan semua pehak ada dudok dengan tenang dan baik.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah pehak Kerajaan mengeluarkan satu Kertas Puteh mengenai ada-nya ketegangan rusohan perkauman yang berjalan daripada Pulau Pinang sampai ka-Kelantan untuk kita semua ma'alumi dalam Dewan ini.

Tun Haji Abdul Razak: Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak patut di-adakan Kertas Puteh—perkara yang sangat kecil. Sa-bagai Menteri yang bertanggung-jawab berkenaan dengan keamanan dalam negeri ini, saya mengetahui apa yang berlaku di-Negeri² semua dan saya tahu apa yang berlaku di-negeri Kelantan pada masa pergaduhan itu. Jadi dengan sebab itu-lah saya kata

sungguh pun negeri Kelantan tidak ada berlaku pergaduhan, atau pun peristiwa, tetapi keadaan tidak-lah begitu tenang. Yang dua Negeri yang saya sebut tadi keadaan tenang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—saya kurang dengar jawapan yang nombor 10 tadi. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ulang lagi sa-kali (*Ketawa*)—jika sa-kira-nya sudi soalan nombor 10 tadi berkenaan dengan beberapa orang yang mati di-tembak itu? Saya kurang dengar tadi.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab; saya kata 4 orang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek di-sini, ia-itu sama ada Polis, atau pun Army, dia berhak menembak apabila dia fikir patut menembak; tetapi sah penembakan kepada orang itu tergantung kepada darjah maskatri dia, ia-itu kalau satu orang itu mendapat maskatri dia itu ada 4 darjat: yang baik sakali ialah Bull, yang kedua—Inner, yang ketiga—magpie dan yang keempat—Outer. Kalau sa-kira-nya Pegawai Polis atau Army itu lulus, boleh menembak dengan mendapat yang keempat maka tembakan dia kepada orang yang dia tembak itu maseh dapat di-persoalkan lagi dalam mahkamah. Jadi dapat-kah Timbalan Perdana Menteri kita memberi tahu bahawa orang yang melakukan penembakan ini orang yang grade 1 atau pun grade 2 atau orang yang mendapat Outer, grade 4, yang boleh di-bawa dalam mahkamah.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku di-waktu malam dalam masa keadaan kekacauan di-Pulau Pinang dan di-Daerah² lain di-Utara Tanah Melayu dan dalam masa itu Undang² Public Order telah di-istiharkan dan sa-siapa pun tidak di-benarkan berjalan malam meninggalkan rumah dan orang² ini terpaksa di-tembak, sebab dia engkar,

dan bila di-tanya oleh Polis, atau pun Military, mereka itu lari. Jadi Polis atau Military yang bertanggung-jawab bagi menjaga keselamatan terpaksa-lah menembak mereka itu. Jadi saya tidak dapat terangkan sama ada Mark 3, Mark Outer, Mark Inner. Jadi pegawai² Polis dan Military semua-nya mereka itu di-beri pengalaman chukup dalam hal tembak-menembak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarek hati dalam perkara ini, ia-itu betul di-dalam masa keadaan dzarurat kita memberi perintah boleh menembak kepada orang² yang melanggar perintah berkurong, atau pun sa-bagai-nya, tetapi yang saya hendak tahu kebolehan orang yang menembak itu, kalau dia itu dapat markah yang ke-empat tentu-lah dia kena challenge dahulu ia-itu dia mesti kata, "Halt", dan dia kena tanya siapa, dan orang yang selalu-nya mendapat grade 4 itu, bila dia nampak orang sahaja dia tidak dapat control diri dia dan dia tidak ada soal lagi: "Halt, who goes there", dia terus sahaja menembak. Ini-lah saya minta jaminan kepada Menteri kita.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan sedang dijalankan di-atas penembakan ini. Jadi saya tidak boleh hendak beri keterangan yang lanjut lagi atas hal ini.

PERUNTOKAN \$400 JUTA BAGI SARAWAK

12. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah peruntukan sa-banyak 400 ratus juta ringgit bagi Sarawak hanya untuk ahli² parti yang memerintah, atau jika tidak, untuk siapa.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah² wang yang di-peruntukan dalam Anggaran Pembangunan Persekutuan bagi Sarawak ada-lah untuk pembangunan Negeri Sarawak bagi keseluruhan-nya, tetapi jumlah² wang tersebut oleh kerana sebab yang nyata perlu-lah di-tadbirkan oleh Kerajaan yang berkuasa.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wang ini banyak-lah orang ramai dengar dalam Radio. Dahulu, belum wang itu, seperti ra'ayat yang miskin, yang susah, dia pergi untuk berubat dari Marudi ka-Miri; semua di-tanggong oleh Kerajaan. Sekarang, pemerintah ada banyak wang, tetapi banyak yang tidak dapat pergi berubat di-Miri, kerana tidak dapat membayar tambang motor. Itu-lah sebab saya minta, siapa-kah yang terima wang itu—orang yang kaya-kah, atau orang yang berpangkat-kah? Sebab itu, saya minta, membetulkan wang ini; jangan-lah ra'ayat mendengar sahaja seperti orang masak—dia, chium bau sahaja, makan tidak. (*ketawa*) Perut lapar, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan perut lapar itu tentu-lah soalan lain. (*Ketawa*).

**NEGERI² YANG BERHUTANG
KERAJAAN PUSAT**

13. Tuan Mustapha bin Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kewangan sa-lain daripada Negeri Kelantan, negeri² mana-kah yang berhutang dengan Kerajaan Pusat, dan berapa banyak tiap² negeri itu berhutang.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat ada-lah merujuk kepada pinjaman² yang telah di-beri kepada Negeri² baharu² ini sahaja bagi membiayai kekurangan wang dalam Kira² biasa mereka. Pinjaman sa-banyak \$1 juta kepada Kelantan dan \$1.5 juta kepada Kedah telah di-beri untuk tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat tentu sedia ma'alum bahawa Kerajaan Persekutuan telah juga memberi pinjaman kepada semua Negeri di-Malaysia Barat dan Timor untuk beberapa tujuan pembangunan, sa-jumlah yang berbilang banyak-nya dan bagi tempoh yang berlainan untuk tiap² satu-nya.

**BILANGAN KEMATIAN KERANA
TERKENA KARAN LETRIK—
SEBAB² KEMALANGAN, PAMPASAN
DI-BAYAR, DAN LANGKAH²
UNTUK MENGELAKKAN
KEMALANGAN**

14. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) berapa bilangan kematian kerana terkena karan letrik semenjak Merdeka;
- (b) apa-kah sebab² kemalangan terkena karan letrik;
- (c) sama ada pampasan di-bayar ka atas mereka dan orang² yang chachat akibat kechelakaan letrik kepada keluarga mereka; dan
- (d) apa-kah langkah² yang telah diambil oleh Lembaga Letrik Negara untuk mengelakkan kejadian² itu.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, atas jawapan soal bahagian:

- (a) ia-lah 141 orang dan 28 binatang.
- (b) Kebanyakan kemalangan tersebut berlaku kerana kechuaian tidak berfikir sambongan haram tidak mengetahui dan menggunakan *radas* yang tidak sempurna, atau orang yang tidak berpengalaman membega alat² tanpa mengetahui dengan sa-penoh-nya bahaya² yang berkaitan. Sa-tengah daripada kemalangan² itu ia-lah disebabkan tiada mematuhi peratoran² keselamatan, tidak ada berpengalaman di-dalam penggunaan alatan, tidak mengikut peratoran menggunakan-nya, tidak sempurna penyeliaan, dan yang lain² ia-lah di-sebabkan menggunakan perkakas² yang berkeadaan membahayakan serta bermutu rendah dan tidak pula di-buat mengikut kehendak piawai².

(c) Pembayaran sagu hati ada-lah terta'alok di-bawah Undang² Letrik. Sama ada sagu hati ini di-bayar kepada mangsa kemalangan atau pun keluarga-nya ada-lah bergantung kepada chara mana kemalangan itu berlaku. Sa-kira-nya kemalangan itu berlaku kerana kechuaian mangsa itu sendiri, maka tuntutan pembayaran

sagu hati tidak boleh di-buat, sa-balek-nya pula jika boleh di-buktikan kemalangan itu berlaku kerana ke-chuaian pehak yang ketiga, maka mangsa, atau pun keluarga-nya boleh menuntut sagu hati daripada mereka yang berkenaan.

(d) Dari sa-masa ka-samasa risalah² telah di-keluarkan kepada orang awam di-dalam bahasa Melayu, Tamil, China dan Inggeris, juga tayangan² wayang gambar dan cheramah² di-Telivishen ada di-perbuat dengan tujuan menjuk ajar orang² awam. Surat² perkeliing telah juga di-keluarkan kepada badan² konterek dan juga wakil² tempatan atau Agency Houses supaya mematohi sharat² yang termaktub di-bawah peratoran² dan Undang² Letrik. Di-samping itu pula pekerja² teknik rendah di-beri latihan yang chukup, dan sempurna oleh Lembaga. Pada zahir-nya langkah² di-ambil telah memberi kesan jika di-pandang dari segi jumlah bilangan mangsa letrik. Boleh di-katakan bilangan ini tidak berubah semenjak dari tahun 1960 manakala pula pengguna² bekalan letrik telah bertambah banyak. Samemang-nya tujuan kami supaya kemalangan letrik berkurangan, tetapi Ahli Yang Berhormat harus mengambil perhatian bahawa hanya dengan langkah Undang² tanpa kerjasama dari orang ramai tidak akan menghapuskan kemalangan.

BANTUAN KAPADA MALAYSIA DALAM BIDANG PERIKANAN, PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA DAN MENUBOHKAN PUSAT PERIKANAN

15. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama:

- (a) berapa buah Negara Asia yang telah memberi bantuan kepada Malaysia dalam bidang perikanan, pertanian dan Sharikat Kerjasama;
- (b) sebutkan sumbangan tiap² Negara tersebut dan ranchangan² yang hendak di-laksanakan; dan
- (c) ada-kah Kerajaan akan menimbang menubuhkan sa-buah Pusat

Perikanan untuk melateh pakar² perikanan, dan jika ya, bila.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua—(a) negeri² Asia saperti berikut telah memberi bantuan kepada Malaysia di-dalam bidang Pertanian, Perikanan dan Sharikat Kerjasama:

- (i) Jepun
- (ii) India
- (iii) Thailand
- (iv) Filipina dan
- (v) Taiwan.

(b) Sumbangan tiap² Negeri tersebut ada-lah saperti berikut:

(i) Jepun—

Dalam soal Perikanan telah memberi 6 biasiswa.

Dua Sukarelawan perikanan.

Perbekalan perkakas² perikanan berjumlah sa-banyak \$3,200 Penyelidekan.

Perikanan Laut dan chara² kegunaan perkakas menangkap ikan 14 Pakar Pertanian.

Latehan 2 peserta Pegawai² Sharikat Kerjasama di-Tokyo.

(ii) India—

Telah memberi 8 biasiswa bagi latehan Perikanan ayer-tawar 1 dermasiswa bagi latehan diperengkat Universiti atas soal perikanan.

2 kursus pelayaran dan ke-jenteraan.

1 Pakar dalam Pertanian.

2 Peserta menghadziri kursus Kerjasama.

2 Peserta menghadziri kursus Odit Kerjasama.

(iii) Thailand—

Dermasiswa, Biasiswa dan Biasiswa Rendah di-dalam perikanan.

Ranchangan penyelidekan bersama di-dalam sumber perikanan laut di-perayeran Malaysia Barat.

(iv) Filipina—

Telah pun memberi 1 pakar pertanian, dan

(v) *Taiwan*—

Telah pun memberi 2 pakar pertanian satu pakar perikanan akan datang dan telah menanggung perbelanjaan di-dalam negeri Taiwan sendiri bagi sa-ramai 200 orang petani² yang telah melawat sambil belajar di-negeri itu.

(c) Kerajaan telah pun menyiapkan ranchangan dan juga telah memakulkan permohonan kepada Ranchangan Kemajuan Bangsa² Bersatu, ia-itu daripada Peruntukan Wang Istimewa untuk sa-buah Pusat Latehan Perikanan bagi di-dirikan di-Pulau Pinang di-dalam tahun 1968 ini dan permohonan ini akan di-bincangkan oleh U.N.D.P. Council di-dalam bulan June ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: ada-kah Kerajaan kita berchadang hendak membawa pakar² pertanian daripada negara Israel bagi menolong menjalankan projek² yang baharu ini?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji

Jawi: Belum ada chita², atau chadangan lagi.

Tuan Ahmad bin Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dalam jawapan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama saya chuma hendakkan penjelasan berhubung dengan pemberian² yang di-beri oleh negara² yang di-sebutkan-nya tadi, ada-kah termasuk dalam masalah pemasaran ikan² dalam negeri kita ini?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi negara² yang menawar bantuan berkenaan dengan pemasaran di-dalam negeri ini, tetapi pegawai² daripada FAMA telah pun juga di-hantar melawat ka-beberapa buah negeri di-dalam Asia ini dan bantuan² sa-chara menerima pegawai² itu dan juga menunjok ajar pegawai² itu telah pun di-beri oleh negara² di-Benua Asia ini.

**PENYATA PROFESSOR UDHIS
NARWASDI BERKENAAN
DENGAN PENANAMAN
PADI BACHANG**

16. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah Kementerian-nya akan memberi tiap² orang Ahli Dewan Ra'ayat sa-naskhah Penyata Professor Udhis Narwasdi berkenaan dengan perprojek Penanaman Padi BACHANG, dan jika ya, bila-kah penyata itu akan di-edarkan.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, laporan mengenai Penanaman Padi Berkumpul di-Bachang boleh di-perolehi oleh orang ramai tetapi oleh kerana 400 naskhah sahaja yang telah di-chetak, maka laporan ini tidak-lah dapat di-sebarkan dengan sa-luas²-nya. Sakira-nya Ahli Yang Berhormat itu ingin mendapat-nya lagi sila-lah memberitahu kepada Kementerian ini. Saya faham beliau sendiri telah pun mendapat satu salinan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang saya bertanya ia-lah bukan berkenaan dengan saya dapat, atau pun tidak, yang saya bertanya ia-lah penyata² yang berguna yang samacham itu di-peredarkan kepada ka-semua Ahli² dalam Dewan kita ini. Kalau 400 beri di-luar orang lain tidak dapat. Yang saya dapat itu pun saya terbacha dalam surat-khabar saya menulis surat meminta dan Yang Berhormat Menteri ini tolong beri kepada saya, jadi bukan-lah ini kerja official, kerja personal saya minta kepada dia. Jadi, dapat-kah Menteri kita memberi jaminan kepada Ahli² yang lain sama.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji

Jawi: Tuan Yang di-Pertua, mana² penyata yang di-kehendaki oleh undang² untok di-bentangkan di-dalam Parlimen ini, insha' Allah akan di-buat, tetapi penyata² yang lain, kerana penyata² yang di-siapkan di-Kementerian saya pendek kata di-dalam sa-bulan ada berpuloh², jadi tentu-lah saya tidak dapat hendak edarkan

kapada Ahli² Parlimen ka-semua-nya, dan tidak pula di-kehendaki oleh mana² undang².

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bukan Ahli Yang Berhormat dari Bachok sahaja yang mahu bacha penyata ini, saya sendiri hendak membacha penyata ini. Kalau sa-kira-nya ada penyata ini yang tidak di-beri kapada² orang lain boleh-kah Menteri yang berkenaan menghantar sa-puchok penyata itu kapada saya?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan sila beritahu sa-kira-nya berkehendakkan, insha' Allah saya akan hantar.

Tuan Yang di-Pertua: Beritahu dengan surat?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya segan sangat hendak tulis dengan surat, talipon pun boleh.

MENGELUARKAN SENARAI NAMA² ORANG DARI DAERAH MIRI, SARAWAK YANG MEN-DAPAT LESEN² HUTAN

17. Tuan Tama Weng Tinggang Wan bertanya kapada Menteri Tanah dan Galian bila-kah senarai nama 90 orang dari Daerah Miri Bahagian ka-Empat Sarawak, yang telah mendapat Lesen² Hutan, akan di-keluarkan.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan yang saya terima daripada Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan itu tidak berchadang hendak mengeluarkan senarai pemegang² lesen hutan oleh kerana senarai² itu ada-lah berubah dari satu masa ka-satu masa. Masaalah ini ada-lah di-bawah tang-gong-jawab Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian saya tidak mempunyai kuasa langsung atas masaalah ini di-negeri Sarawak. Yang demikian jika Ahli Yang Berhormat itu menghendak penjelasan yang lebih lagi mengenai

perkara ini saya nasihatkan supaya Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana lesen² ini, saya pada tahun 1966 dahulu ada bertanya. Jadi, dalam Bahagian ka-Empat dalam Miri, tuan yang berkuasa di-sana, dia ada berjawab di-dalam Miri lebih 80 lesen kata-nya tidak boleh di-keluarkan lagi. Masa sekarang saya tengok banyak-lah orang yang ambil lesen. Itu-lah sebab saya akan bertanya kapada Menteri yang berkenaan siapa yang dapat lesen itu, bumiputra-kah atau orang asing-kah, sebab ini negeri sudah mendapat kemerdekaan dengan penuh, akan tetapi hak ra'ayat tidak tahu siapa yang ambil, kerana orang yang memegang jawatan-kuasa dalam Sarawak itu tidak-lah memberitahu kapada ra'ayat apa-lah nama ra'ayat bumiputra, kemerdekaan ra'ayat bumiputra di-jamin oleh Malaysia. Saya harap kaki-tangan Malaysia ini memberi keterangan untuk ra'ayat supaya ra'ayat tahu siapa yang merdeka hak dalam Sarawak. Itu-lah sebab saya meminta keterangan di-Dewan ini.

Dato' Haji Abdul-Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah chuba untuk mendapatkan penjelasan itu daripada Kerajaan Sarawak, dan jawapan yang telah saya terima daripada Kerajaan Negeri itu ada-lah seperti yang baharu sahaja saya terangkan kapada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Tama Weng Tinggang Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana dalam Sarawak banyak kusila, banyak-lah kerusi negeri, dia juga kusila dia juga kerusi negeri, dia juga tokeh kayu, itu-lah susah kami mahu bertanya kerana dia pegang kuasa, dia juga-penghulu, dia juga jadi tokeh. Kerajaan dia sendiri, dia kurang ingat menguruskan undang² dia dalam dia punya kerja. Dia mengambil untong luar dari kerja pemerintah. Itu-lah susah kami menanyakan pegawai² yang berkuasa dalam Sarawak. Itu-lah sebab saya menerangkan dalam Dewan ini, kami banyak-lah kesusahan

dalam Rumah Panjang seperti Penghulu dalam Rumah Panjang dahulu, bila dia melawat dia memberitahu kepada ra'ayat: saya pergi mana, katanya tunjok pada ra'ayat. Sekarang terus hilang oleh itu kampeni; terus hilang itu tokeh, sebab dahulu Penghulu yang berkuasa, sekarang tokeh yang kuasa Penghulu. Itu-lah yang kami susah, Tuan Yang di-Pertua (Ketawa).

URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis ini akan di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang hari Isnin, 22hb Januari, 1968.

Sabagaimana Ahli² Yang Berhormat ketahuī, Duli Yang Maha Mulia Shahanshah akan berangkat pulang meninggalkan Kuala Lumpur menuju ka-Bangkok pada pukul 12.00 pada hari itu. Oleh kerana Menteri² akan menghormati keberangkatan Duli Yang Maha Mulia meninggalkan Kuala Lumpur, akan terpaksa hadir di-airport, di-minta-lah Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 4.00 petang hari Isnin, 22hb Januari, 1968.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan—oleh sebab Kerajaan sekarang berchadag hendak memotong masa untuk perbahathan Belanjawan tahun ini, boleh-kah Kerajaan berjanji memanjangkan perbahathan ini bukan hari Isnin yang akan datang, tetapi sa-lepas kita berehat untuk Hari Raya China.

Tun Haji Abdul Razak: Dengan persetujuan, Tuan, boleh di-atorkan meshuarat ini supaya kita adakan persidangan lewat malam, jika dikehendaki.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sunggoh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis ini akan di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang hari Isnin, 22hb Januari, 1968.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 12 minit.

Persidangan di-tempohkan.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.30 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA—ATORAN URUSAN MESHUARAT BERCHETAK—PINDAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat mungkin ingin mengambil ingatan, ia-itu pertanyaan² untuk jawapan mulut tidak akan di-kemukakan apabila Majlis meshuarat ini di-sambong sa-mula pada hari Ithnin 22hb Januari—lusa. Sunggoh pun pemberitahu² pertanyaan² tersebut sudah sedia tertera dalam Atoran Urusan Meshuarat berchetak yang telah di-edarkan kepada semua Ahli² Yang Berhormat pada hari meshuarat yang pertama dahulu, oleh sebab² yang tidak dapat di-elakkan pertanyaan² mulut tidak dapat di-kemukakan juga hari sa-malam.

Oleh kerana penanggohan² pertanyaan² mulut bagi hari² yang tersebut itu maka ada-lah mustahak semua pertanyaan² bagi jawapan mulut bagi tiap² hari meshuarat sekarang ini, ia-itu pertanyaan² yang tertera dalam Atoran Urusan Meshuarat berchetak, hendak-lah di-bawa ka-dalam meshuarat dua hari kemudian daripada hari yang di-tetapkan dalam Atoran Urusan Meshuarat. Ini bererti bahawa pertanyaan² mulut bagi 20 haribulan Januari akan di-kemukakan pada 23 Januari dan pertanyaan² mulut bagi 22 Januari akan di-kemukakan pada 24 Januari dan sa-terus-nya.

Bagi kemudahan Ahli² Yang Berhormat, saya shorkan supaya Ahli² itu sendiri membuat perubahan yang perlu dalam Atoran Urusan Meshuarat mereka masing².

Honourable Members may wish to note that no oral questions will be taken, when the House resumes on Monday, 22nd January, 1968, afternoon, even though notices of such questions have been set down for that day in the printed Order Paper which was circulated to all Honourable Members on the first day of the present meeting. It was also not possible, because of unforeseen circumstances, for oral questions to be taken yesterday afternoon. In consequence of the postponement of oral questions on these days, it will now be necessary for all oral questions set down in the printed Order Paper for each day for the present meeting to be taken two days later than the date shown on the Order Paper. Thus, oral questions for 20th January will now be taken on 23rd January; those for 22nd January will be taken on 24th January and so on. For their convenience, I would, therefore, suggest that Honourable Members amend their Order Papers accordingly.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1967)

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan. Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JADUAL

Kepala² S. 1, S. 4, S. 7, S. 10, S. 20, S. 39 dan S. 42—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan saya bermohon untuk membawa sa-kali gus S. 1—Parlimen \$77,850; S. 4—Surohanjaya Pilehanraya \$151,201; S. 7—Perdana Menteri \$392,178; S. 10—Arkib Negara \$4,138, S. 20—Kementerian Luar Negeri \$1,090,082;

dan S. 39—Kementerian Penerangan dan Penyiaran \$500,000 dan S. 42—Penerangan \$500,000 menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² lanjut telah ada dalam Kertas Perintah No. 6 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$77,850 untok Kepala S. 1; \$151,201 untok Kepala S. 4; \$392,178 untok Kepala S. 7; \$4,138 untok Kepala S. 10; \$1,090,082 untok Kepala S. 20; \$500,000 untok Kepala S. 39; \$500,000 untok Kepala S. 42 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala S. 12—

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya pohon mengemukakan perbelanjaan tambahan di-bawah Kepala S. 12 berjumlah \$50,790 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Penjelasan ia-lah sa-bagaimana terkandung di-dalam Kertas Perintah 6 tahun 1968.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$50,790 untok Kepala S. 12 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala S. 13—

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya mengemukakan S. 13—Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sa-banyak \$21,780 menjadi sa-bahagian dari Jadual.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$21,780 untok Kepala S. 13 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala S. 22, S. 23, S. 24, S. 25 dan S. 29—

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to take Head S. 22, S. 23, S. 24, S. 25 and S. 29 together as they come within the portfolio of the Treasury.

Head S. 22—Treasury—

Two new Supply expenditure Sub-heads need to be created under Head S. 22—Treasury. They are Sub-head 21B—Expenses in connection with the Raising of Loans Overseas, and Sub-head 21D—Transport and Travelling Expenses of International Consultant on Petroleum policy in Malaysia. A sum of \$30,000 is required against Sub-head 21B. Of this sum \$25,000 is necessary for meeting the expenses of the Malaysian delegation to the World Bank in connection with the raising of a loan for the Kemubu Irrigation Project and \$5,000 for the costs incurred on the negotiation of loan agreements with the Export-Import Bank of Japan and the Japanese Overseas Economic Co-operative Fund. Under Sub-head 21D a sum of \$5,990 is required to meet the transport and travelling expenses of an International Consultant on Petroleum Policy in Malaysia.

Head S. 23—Treasury General Services

Four Sub-heads, namely Sub-heads 3, 13, 18 and 29 are involved under Head S. 23—Treasury General Services. Against Sub-head 3 an additional sum of \$70,000 is required to enable Government to pay compensation arising from claims made on it. Sub-head 13—Losses of Government Stores and Public Money, needs an additional sum of \$260,000 as the original provision of \$43,000 is inadequate to cover losses incurred during the year 1967. A sum of \$250,000 is required to augment the original provision of \$400,000 against Sub-head 18—Refund of Revenue, as the amount of revenue to be refunded increased in the year. The refunds are made in accordance with Treasury Instructions 87 and 88. The sum of \$2 million provided under Sub-head 29—Rents on State Quarters occupied by officers serving in Federal Departments in East Malaysia, has proved to be inadequate. This provision needs to be supplemented further by a sum of \$1,184,000. The additional sum required reflects continued expansion of federalised services in East Malaysia.

Heads S. 24—Contributions to Statutory Funds

Under Head S. 24—Contributions to Statutory Funds, four new Sub-heads numbering 7, 8, 9 and 10 are involved. Sub-head 7—Miscellaneous Advances Account, needs an appropriation of \$10,250,000 to the Account which stands at \$2 million at present. Of the sum proposed for appropriation \$250,000 is necessary to meet the increasing number of applications for advances made by officers. Consideration has also been given to the applications made by Sabah officers for advances against their retirement benefits. The remaining \$10 million is required to meet the advance payment of one-half of January, 1968 salary to Muslim Government employees for Hari Raya Puasa. This sum will be returned to the Revenue Account when the salary advance has been adjusted to the 1968 Estimates. At its sitting in January 1964, this House resolved that the Second Schedule to the Financial Procedure Ordinance, 1967 be amended by adding a new item called "Fishermen's Rehabilitation Fund" to finance scheme to improve the earnings of fishermen. To establish the Fund it is now necessary to create a new Sub-head, Sub-head 8—Contribution to Fishermen's Rehabilitation Fund, and to provide a sum of \$1 million as an initial appropriation to the Trust Fund. A new Sub-head 9—Government Rubber Trading Trust Account, with an initial provision of \$15 million, is required to give effect to a resolution under Section 10 (4) of the Financial Procedure Ordinance, 1957 made by this House at its sitting on 14th November, 1967. The purpose of this Fund had already been explained in full when the motion to create the Fund was debated in the House. The House is also requested to approve a sum of \$450,000 against Sub-head 10—Personal Advances (Public Officers) Fund, as a further appropriation to the Fund which now stands at \$1.25 million. This supplementary provision is necessary to meet the increasing number of applications made by public officers for personal advance due

mainly to the enlarged numbers of the public service.

Head S. 25—Royal Customs and Excise

Two Sub-head are involved under Head S. 25—Royal Customs and Excise. The first is Sub-head 14—Rent and Rates, which requires an additional provision of \$17,300 to meet the payment of rates for the years 1963 to 1966 for the building occupied by the Customs Department in Port Swettenham. This building is owned by the Port Authority and is not included in the list of buildings covered by the Federal Government's contribution in lieu of rates to the Klang Town Council. The second Sub-head is Sub-head 35—Replacement and Repairing of Property damaged by Floods. This new Sub-head requires a provision of \$20,000 to replace and repair Customs Department buildings and other properties damaged by floods in the East Coast. These repairs have to be attended to quickly in order to enable the Department to carry on its work smoothly.

Head S. 29—Inland Revenue, East Malaysia

A new Sub-head, Sub-head 16—Expenses of Colombo Plan Experts, needs to be created under Head S. 29—Inland Revenue East Malaysia, and a sum of \$12,645 provided against it in order to meet the housing and subsistence allowances of a Colombo Plan Expert transferred to Sabah from West Malaysia in March, 1966. This officer was seconded to the Malaysian Government under the Colombo Plan Technical Assistance.

Sir, I beg to move.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$35,990 untok Kepala S. 22; \$1,764,000 untok Kepala S. 23; \$26,700,000 untok Kepala S. 24; \$37,300 untok Kepala S. 25 dan \$12,645 untok Kepala S. 29 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala S. 44, S. 45, S. 50 dan S. 57—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon

ingin mengemukakan Peruntokan Tambahan di-bawah Kepala S. 44—Kehakiman sa-banyak \$5,500; Kepala S. 45—Peguam Negara peruntokan sa-banyak \$77,010; Kepala S. 50—Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian sa-banyak \$10,000 dan Kepala S. 57—Hal Ehwal Orang Asli sa-banyak \$40,000. Penjelasan terang ada terkandung pada muka 20 dan 21 dalam Kertas Perintah No. 6, tahun 1968.

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$5,500 untok Kepala S. 44; \$77,010 untok Kepala S. 45; \$10,000 untok Kepala S. 50, dan wang sa-banyak \$40,000 untok Kepala S. 57 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala S. 64 dan S. 65—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya mohon Kepala S. 64—Penerbangan 'Awam sa-banyak \$1,600,000; Kepala S. 65—Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kaji-chuacha—Malaysia Timor sa-banyak \$68,735 di-ambil bersama² di-chadangkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² yang penoh ada di-dalam Kertas Perintah No. 6 tahun 1968, muka 21 dan 22.

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,600,000 untok Kepala S. 64, \$68,735 untok Kepala S. 65 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Fasal² 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**THE EXCISE (AMENDMENT)
BILL**

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Ng Kam Poh (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I beg to move that the Bill intituled "An Act to amend the

Excise Act, 1961", be read a second time.

The Bill that is before the House is for the purpose of providing for the control of "bottling", "compounding", "blending" and "varying" of intoxicating liquors which are not controlled at the moment under the Excise Act of 1961. This lack of control under the Excise Act of 1961 is unsatisfactory and certain businesses which are doing "bottling", "compounding", "blending" or "varying" of intoxicating liquors have become outlets for the products of the illicit distillers. As illicit distilling is difficult to prevent, one way of checking the spread of illicit distilling and reducing it, would be to stop, as far as possible, the marketing of illicit liquors. To do this, it is necessary that such activities should be licensed and the movement of such intoxicating liquor to and from any place of manufacture should be controlled.

The Excise (Amendment) Bill, 1968, before the House, would make it necessary for any person who bottles, compounds, blends or varies intoxicating liquor to have a licence for this activity. This is achieved by amending section 2 of the Excise Act of 1961 by including in the definition of "manufacture", such operations as "bottling", "blending", "compounding" or "varying". The movement of intoxicating liquors to and from their place of manufacture will be controlled by the proposed amendment to section 85, sub-section 2 (c) of the Excise Act of 1961. This control over the movement of intoxicating liquor will greatly reduce the supply of liquor to dishonest bottlers. The Excise (Amendment) Act, 1968, will not adversely affect *bona fide* manufacturers or distillers who, at the moment, possess licences for their activities, but will actually be of great benefit to them, as it will reduce the unfair competition offered against them by dishonest and unscrupulous dealers.

Sir, I beg to move.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE MALAYAN ESTATES STAFF PROVIDENT FUND (AMENDMENT) BILL

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled, "An Act to amend The Malayan Estates Staff Provident Fund Ordinance, 1947", be read a second time.

The Malayan Estates Staff Provident Fund Ordinance No. 32 of 1947 established a provident fund for the benefit of employees engaged in the business of growing and producing tropical agricultural products. In recent years, the Rules of this Fund have been amended from time to time to bring them into line with Inland Revenue requirements and it is now necessary to amend certain sections of the Ordinance itself to bring the law up-to-date, particularly in regard to definitions and the control of the Fund itself.

The various changes proposed by the Bill are as follows:

- (i) Clause 2 of the Bill changes the definitional term "area" from "the Malay Peninsula, the Riouw Archipelago and all islands and territories in the Malayan Archipelago which are British colonies

or possessions or are under British protection" to "Malaysia, the State of Singapore and the State of Brunei". The new term is more in keeping with the present political set up of the area covered by the Ordinance.

- (ii) Clauses 3 and 4 of the Bill change the word "Malayan" to "Malaysian" in reference to the name of the Fund and the Board of the Fund.
- (iii) Clause 5 of the Bill vests control of the Fund in the Rubber Producers' Council of Malaya, a Malaysian body, instead of the Rubber Growers' Association, which is a United Kingdom body. This amends section 5 (2) of the Ordinance. This change will be beneficial to the Fund because it is now controlled by a local Malaysian organisation which is more in touch with local conditions rather than by an organisation far away in the United Kingdom.
- (iv) Clauses 7 and 8 of the Bill extend the membership of the Fund by enabling the employees or consortia of persons bodies corporate engaged in the business of growing and producing tropical agricultural products in the area to participate in the Fund.
- (v) Clause 9 of the Bill provides a specification that the auditors employed by the Fund must be approved company auditors within the meaning of the Companies Act, 1965.
- (vi) Clause 10 of the Bill is consequential to the transfer of control of the Fund from the Rubber Growers' Association to the Rubber Producers' Council of Malaya, due to amendment to section 5 (2) of the Ordinance in paragraph (iii) above.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesnuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 hingga 10 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE HIRE PURCHASE (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (*dengan izin*):
Mr Speaker, Sir, I beg to move that the Hire Purchase (Amendment) Bill, 1968, be now read a second time.

Honourable Members will recall that the Hire Purchase Act, 1967, was passed by Parliament at its January-March 1967 session. Following this, however, I received from the public and other interested parties further views, observations and recommendations with regard to the provisions as contained in the Hire Purchase Act of 1967. In the light of the representations made by the interested parties, the Drafting Committee of the Hire Purchase Act has reviewed the existing provisions as contained in the said Act and has found it desirable that certain sections of the Act could have to be amended while new sections and sub-sections would have to be incorporated, in order to enhance the effectiveness of the Act. For example, the definition of the word "goods" and the new section 47 are being incorporated to exclude the application of legislation relating to Bills of Sale to any provisions in the hire purchase agreement in respect of replacements and accessories added by the hirer during the period of hiring which are to pass to the owner in the event of termination

of the hire-purchase agreement otherwise than by purchase of the goods by the hirer.

The penalty as contained in existing section 37 of the Hire Purchase Act is considered too lenient, especially in view of the existing state of fraudulent sale of goods, particularly motor vehicles bought on hire purchase. The section is amended to provide a more severe penalty as a deterrent to regular offenders.

As the amendments are designed to improve the provisions of the Hire Purchase Act, 1967, I am sure Honourable Members would give their support to this Amendment Bill. I now seek the agreement of the House to move the Hire Purchase Amendment Bill, 1968.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE FEDERAL CAPITAL ACT (AMENDMENT) BILL

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Lim Swee Aun (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled an "Act to amend the Federal Capital Act, 1960", be now read a second time.

Section 343 of the Municipal Ordinance briefly states that the

Commissioners in any Municipality may borrow money only with the sanction of the Legislative Assembly, which means that the State Legislative Assembly, as has been the position in the past, since the Municipal Ordinance was made applicable to the various Municipalities in this country. When the Federal Capital was created under the Federal Capital Act, 1960, the Municipal Ordinance continues to be applicable to the Federal Capital and for all purposes where reference is made to Ruler and Ruler-in-Council this shall be construed as reference to the Minister charged with the responsibility of local Government. The legal experts have advised that the term "Legislative Assembly" in the context of these provisions of the Municipal Ordinance, as applied to the Kuala Lumpur Municipality, is ambiguous and must be interpreted as referring to Parliament. This Bill, therefore, seeks to remove this ambiguity.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE MUNICIPAL (AMENDMENT) BILL

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Lim Swee Aun (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill

intituled "an Act to amend the Municipal Ordinance" be now read a second time.

Sir, the present practice requiring the Municipalities to obtain the sanction of the Legislative Assembly prior to borrowing money is both cumbersome and time-consuming. This Bill, therefore, seeks to amend section 343 of the Municipal Ordinance to enable the Municipalities of Penang, Ipoh and Malacca to borrow money with the sanction of the respective State authority instead of the Legislative Assembly. As required under Article 95A of the Malaysian Constitution, the agreement of the National Council for Local Government to the Bill has been obtained.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal² 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Pendahuluan di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE TOWN BOARDS ENACTMENT (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dr Lim Swee Aun (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to amend the Town

Boards Enactment of the Federated Malay States" be read a second time.

This is a simple and straightforward Bill and, as explained in the Explanatory Statement, seeks to amend the Town Boards Enactment (F.M.S. Cap. 137) to enable the Municipality of the Federal Capital of Kuala Lumpur to make by-laws to regulate development of land within the Federal Capital.

The provisions of Part IX of the Town Boards Enactment, which deals with the town planning of the Federal Capital, are inadequate for the Commissioner of the Federal Capital to regulate the development of land within the Municipal area, though he is required to endorse site plans so that plans for new buildings may then be considered under the Municipal Building By-Laws. Furthermore, a new draft town plan for the Federal Capital is now in its final stages of completion and adoption. The proposed new amendments to Section 145 will assist in the effective implementation of this Plan. A new comprehensive town planning legislation has already been drafted and is presently under study by the Attorney-General's Chambers. The proposed amendment to Section 145 is, in fact, incorporated in the new town planning legislation, but is being put forward now to serve as an interim measure to give effect to the new town plan until such time as the comprehensive legislation on town planning referred to has been finalised.

As required under Article 95 (A) of the Malaysian Constitution, the agreement of the National Council for Local Government to the Bill has been obtained.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (**Kuala Trengganu Selatan**): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang ada dihadapan kita ini. Saya berharap Kerajaan dan Municipality, Federal Capital, Kuala Lumpur, akan berikhtiar sa-bberapa daya mendapatkan tuan² yang

mempunyai tanah kosong yang ada sekarang ini di-bandar Kuala Lumpur mendirikan bangunan² baharu dengan segera. Sekarang ini kita dapati maseh banyak lagi tanah² kosong yang tidak di-dirikan dengan bangunan² baharu di-bandar ini.

Saya juga berharap kepada Kerajaan dan Municipality berikhtiar mendapatkan tuan² yang mempunyai rumah² kedai yang keadaan burok pada masa ini di-gantikan dengan bangunan² baharu. Oleh kerana kita lihat pada masa ini maseh banyak bangunan² yang keadaan-nya sangat uzor dan berkeadaan sedeh.

Juga sa-bagai menjaga taraf bandar Kuala Lumpur ini sa-bagai Ibu Kota Malaysia, saya suka menggesa kepada pehak Kerajaan menimbangkan memberi taraf "city" dengan sa-berapa segera kepada bandar Kuala Lumpur ini dan tidak saperti sekarang ini yang bertaraf bandar atau Municipality sahaja.

Sekian, terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² yang di-bawa oleh Menteri tadi.

Berkenaan dengan Act ini yang saya mendukachitakan ia-lah berkenaan dengan para 1 ia-itu mengatakan bahawa Undang² ini di-peruntukan chuma untuk Kuala Lumpur sahaja. Sa-benar-nya Cap. 137 ini patut diubah dan di-kenakan kepada semua pekan² yang menggunakan Undang² ini untuk Town Board mereka. Saya tahu bahawa Cap. ini sangat-lah burok dan lama dan tidak lagi sesuai dengan keadaan masa dan dengan kerana adanya Cap. 137 ini telah melambatkan pembenaan² di-pekan² di-seluruh Malaysia ini.

Saya tahu juga bahawa berkenaan dengan Cap. ini, apa yang di-buat oleh orang ramai nampak-nya berlainan sedikit dengan apa yang boleh di-buat oleh Kerajaan ia-itu kepada Kerajaan Cap. 137 ini tidak ada kena-mengena. Kerajaan boleh memechahkan Undang² yang terkandung di-dalam Cap. 137 ini

dengan tidak mendapat persetujuan daripada mana² Town Board.

Umpama-nya di-dalam Undang² berkenaan dengan membena rumah², ada satu bahagian yang mengatakan bahawa ceiling sa-sabua rumah itu mesti-lah sekurang²-nya 10 kaki tinggi daripada lantai. Kalau-lah ada sa-siapa daripada orang ramai yang ingin membena rumah maka perkara ini selalu-lah di-peringatkan kepada pembena² rumah supaya kalau tidak di-turut, maka tidak dapat-lah kebenaran membena rumah. Sa-balek-nya Kerajaan sendiri telah memechahkan Undang² ini. Saya tahu bahawa berek² polis yang baru yang beberapa tingkat yang di-bena di-seluruh Malaysia ini, ceiling-nya chuma 8 kaki sahaja daripada lantai, tetapi oleh kerana ini di-bena oleh Kerajaan, maka tidak dapat-lah Town Board mengatakan bahawa building itu tidak dapat di-beri certificate of fitness for occupation. Perkara yang sa-macham ini sangat-lah mendukachitakan orang ramai.

Ada pula pegawai² yang menggunakan Undang² yang ada dalam Cap. 137 ini untuk membuat condition² tentang membena rumah yang sangat menyusahkan orang² yang ingin membena rumah. Umpama-nya baharu² ini pegawai dalam P.W.D. telah berkata, kalau rumah kedai di-bena di-pekan Alor Star, mesti-lah ada chukup tempat parking space.

Ada sa-orang tuan tanah yang ingin membena enam buah rumah kedai berderet. Orang ini telah di-suruh oleh Engineer ini supaya di-angkat rumah itu satu tingkat supaya tingkat bawah semua-nya di-jadikan car park. Ini sa-olah² di-Alor Star ini begitu banyak motor car sa-hingga tidak ada tempat untuk car park. Sa-tahu saya kadang² kalau kita jalan sa-belah malam sedikit hendak menchari sa-buah motor car pun tidak ada di-Alor Star, tetapi kerana Engineer ini berkata dia memandang kepada masa 50 tahun yang akan datang. Saya belum tahu-lah di-dalam masa 50 tahun yang akan datang ada-kah motor car itu sa-rupa macham mana motor car yang ada sekarang, atau pun motor car yang akan datang ini boleh pergi

ka-hadapan, ka-kiri dan ka-kanan dan sa-bagai-nya. Jadi untuk menjaga keselamatan di-dalam pekan Alor Star ini, maka tuan Engineer ini telah memaksakan supaya orang yang ingin membena rumah ini membenakan di-bawah rumah-nya car parking space yang lebeh besar daripada parking space yang biasa di-buat di-pekan² yang kechil saperti New York pun. Sa-balek-nya pula kalau undang² ini di-kuat-kuasakan kapada semua orang ini tidak mengapa-lah, tetapi malangnya di-sa-belah kiri dan di-sa-belah kanan rumah yang di-chadangkan oleh orang ini telah di-benarkan pula rumah lain kedai sa-macham itu juga di-dirikan dengan tidak ada langsung parking space. Jadi saya kurang faham ada-kah undang² yang di-buat yang di-gunakan oleh Town Board ini, yang di-gunakan oleh pegawai² ini boleh di-buat dengan sa-suka hati pegawai² itu sahaja, ia-itu pada satu orang di-kenakan undang² yang bagitu ketat kapada lain orang pula tidak di-kenakan sama sa-kali undang² yang samacham ini. Jadi, kalau perkara yang sa-macham ini di-biarkan, maka soal rasuah tentu-lah timbul dan orang² ramai tentu-lah menudoh bahawa pegawai ini, barangkali sunggoh pun tidak ada keterangan yang boleh di-bawa kapada mahkamah barangkali telah menerima sagu hati supaya dapat ia membenarkan rumah yang di-tepi² di-bena dengan tidak ada parking space, tetapi rumah yang tengah ini mesti ada parking space yang sa-bagitu luas. Juga berkenaan dengan membena rumah pegawai² dalam Town Board dalam P.W.D. sangat-lah keras tentang plan² untuk membena terutama berkenaan dengan R.C. Plan, atau pun Reinforce Concrete Plan supaya rumah yang di-bena ini boleh di-gunakan dengan tidak mendatangkan bahaya kapada sa-siapa yang menggunakannya, tetapi malangnya pula ini juga di-kenakan dengan ketat-nya kapada orang ramai sahaja. Kapada Kerajaan pula soal rumah ini bahaya, atau tidak, tidak mengganggukan pembenaan rumah² ini.

Saya tahu di-Alor Star rumah yang di-bena oleh Kerajaan selalu-lah sub-standard bukan sahaja berkenaan

dengan rumah polis yang saya sebutkan tadi tetapi mana² rumah yang di-benakan di-Alor Star selalu-nya sub-standard dan tidak mengikut Cap. 137 tadi. Ada rumah yang bagitu burok plan-nya saya sangka yang mana sa-lepas satu tahun daripada di-bena bumbong-nya; satu rumah sekolah di-Alor Star satu tahun sa-lepas di-bena; bumbong-nya telah jatuh masuk ka-dalam sekolah ini. Ini berma'ana bahawa barangkali engineer² tadi sunggoh pun menjaga chukup berkenaan dengan rumah² yang tidak di-bena oleh Kerajaan, berkenaan dengan Kerajaan tidak apa-lah. Kurang R.C. Plan, ta' elok sadikit pun tidak apa. Satu ma'amal di-hospital di-Alor Star sa-lepas di-bena tiga bulan dinding-nya terbuka dan bumbong-nya masuk ka-dalam. Ini juga telah jadi.

Satu rumah lagi pula yang di-bena oleh Kerajaan ia-itu untuk Federal Offices di-Alor Star, kalau ayer pasang, bukan nanti ayer bah, tetapi ayer pasang pun lantai di-bawah itu tenggelam dalam ayer dengan kerana terlampau rendah tak chukup di-timbun, tetapi kalau private development mesti di-timbun sa-kurang²-nya tiga kaki tinggi daripada tingkatan ayer naik. Tetapi Federal House ini yang di-bena oleh Kerajaan kalau ayer pasang, kaki semua tenggelam dalam ayer. Dan juga kalau ayer pasang kalau kita perhatikan rumah yang di-dirikan oleh Kerajaan ini sama juga dengan Tower of Pisa kerana dia chondong sadikit; sa-paroh sa-belah sana tenggelam banyak sadikit dalam ayer. Sa-paroh sa-belah sini tenggelam sadikit sahaja. Jadi, nampak-nya banyak perkara² yang sa-macham ini yang terjadi. Kalau-lah ada sa-siapa ingin membena rumah di-Alor Star, satu daripada syarat²-nya mesti-lah di-tempatkan water carriage system itu jaoh supaya tidak di-tepi jalan besar dan merosakkan rupa pekan Alor Star. Tetapi kalau Kerajaan membena rumah umpama-nya rumah Income Tax Department jamban-nya di-buboh di-tepi jalan. Jadi, kalau masuk dalam rumah itu yang mesti kita jumpa dahulu jamban-nya. Jadi, bagi Kerajaan, tidak apa-lah, bagi orang ramai

jangan; ini salah, tidak elok kata-nya rumah di-Pekan Alor Star. Dengan kerana engineer² ini menjaga chukup pemandangan yang sa-siapa juga yang pergi ka-Alor Star itu dapat memandang Alor Star. Jadi, saya berharap-lah undang² yang sa-macam ini kalau hendak di-jalankan mesti-lah dikenakan sama rata kepada Kerajaan baik, kapada orang ramai baik. Janganlah kapada Kerajaan undang² Cap. 137 ini tidak ada kena mengena sama sekali, tetapi kapada orang ramai mestilah di-tekanakan dengan sa-habis chukup, tetapi di-tekanakan bukan-lah kapada semua pula. Ada pehak pula yang boleh buat dengan tidak menghiraukan kapada Cap. 137 ini. Ada pehak yang mesti ikut dengan sa-chukup²-nya Cap. 137 ini.

Soal yang sa-macam ini mendaratkan perasaan tidak puas hati di-antara ra'ayat dan orang² ramai dan juga orang² yang membena rumah dan saya harap-lah undang² yang di-buat ini pada kali ini chuma untuk federal capital sahaja patut-lah di-perluaskan supaya terkena juga kapada tempat², ia-itu kapada pekan² yang lain dalam Malaysia ini. Terima kaseh.

Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, I am thankful for the points raised by the two Honourable Members and these points will be considered by the Ministry and, wherever necessary or possible, action will be taken on them. One of the functions of the Royal Commission on Local Government is to look into all legislation relating to Local Government. We will have to wait for the report of this Commission to see to what extent Cap. 137 will have to be expanded. Thank you.

Usul di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (MENGUAT-KUASAKAN NAFKAH) PEREMPUAN BERSUAMI DAN KANAK²

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menchadangkan supaya Rang Undang² yang di-namakan Act Menguat-kuasakan Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak², tahun 1968, di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 15 haribulan September, 1967 dalam satu meshuarat di-Kementerian Ke'adilan di-antara saya dengan wakil² National Council Women Organisation, wakil² itu di-ketuai oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jitra-Padang Terap, saya telah menerima berbagai² chadangan dan rayuan berkenaan dengan kesusahan² yang telah di-hadapi dimasa² yang lampau oleh perempuan bersuami dan kanak² tentang hal nafkah mereka. Biasa berlaku sa-orang perempuan yang telah bersuami, atau pun anak² mereka mendapat perintah daripada Mahkamah supaya suami (mithal-nya) memberi nafkah pada tiap² bulan. Dan di-dalam berbagai² Undang² di-negara kita pada masa ini ada-lah juga chara² untuk menguatkan perintah itu, tetapi dalam pengalaman kita dalam negara ini nampak-nya chara² yang lain lagi mesti di-chari untuk menjamin supaya perempuan² bersuami dan anak² yang tidak bernasib baik dapat di-jamin kehidupan mereka dan mendapat nafkah tiap² bulan daripada orang yang bertanggung-jawab patut memberi nafkah itu.

Dalam meshuarat tersebut, Ahli Yang Berhormat daripada Jitra-Padang Terap telah mengemukakan dua chadangan yang besar ya'ani supaya

mahkamah di-beri kuasa untuk memberi perintah supaya nafkah itu dapat di-bayar oleh pehak yang di-perintah membayar nafkah kepada mahkamah dan sa-lain daripada itu pula jikalau suami-nya bekerja, mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pehak majikan supaya memotong gaji-nya pada tiap² bulan, atau pun masa yang tertentu untuk menjaminakan supaya nafkah itu ada di-bayar kepada pehak isteri, atau pun anak²-nya.

Tidak-lah perlu bagi saya menerangkan satu persatu undang² yang ada berjalan dalam negara kita pada masa ini mengenai perkara ini. Memadailah jika saya nyatakan bahawa sa-telah menimbang dengan sa-dalam²-nya chadangan² daripada Pertubohan² Wanita tadi Kerajaan telah mengambil keputusan mengemukakan undang² yang sedang di-binchangkan sekarang ini. Dengan ada-nya Rang Undang² ini akan di-luluskan oleh Dewan ini, kita berharap perempuan² yang mempunyai suami dan kanak² yang telah mendapat hukuman menerima keputusan daripada mahkamah untuk mendapat nafkah pada masa yang tertentu akan terjamin daripada tidak mendapat nafkah sungguh pun perintah telah dikeluarkan.

Sa-lain daripada itu ada termasuk dalam satu clause dalam Rang Undang² ini, ya'ani Clause 14 mengenai nasib wanita², atau perempuan² yang beragama Islam. Daripada segi Perlembagaan kita nyata sa-kali bahawa Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa mengenai masalah maintenance, atau pun nafkah jika kedua² pehak yang berkenaan itu ada-lah orang² Islam. Hak ini di-bawah Perlembagaan ada-lah di-kuasai oleh Kerajaan Negeri. Tetapi di-bawah Article 76A dalam Perlembagaan kita, Parlimen boleh memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan kuasa² yang tertentu bagi menjalankan tugas² yang di-benarkan oleh Parlimen.

Ini-lah tujuan dia—Clause 14 memberi kuasa kepada Negeri² Tanah Melayu untuk menggunakan Rang

Undang² ini bagi memperkuat perintah² mengenai nafkah supaya dapat-lah perempuan² bersuami yang beragama Islam menerima layanan yang sama seperti layanan² yang akan di-terima oleh mereka yang bukan beragama Islam di-bawah Rang Undang² ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak harus menimbangkan satu masaalah mengenai Rang Undang² ini ya'ani rakan saya Tuan Stephen Yong ya'ani kenapa-kah Rang Undang² ini chuma di-chadangkan berjalan kuat-kuasa-nya di-negeri² Tanah Melayu sahaja. Jadi, sa-takat yang saya ketahui di-Negeri Sarawak sama ada di-kalangan perempuan² Islam mahu pun tidak, ada undang²-nya yang membolehkan mahkamah untuk memerintahkan pehak yang kena da'awa supaya membayar nafkah menerusi mahkamah atau pun jalan² yang lain. Bagaimana pun kedudukan undang² di-Negeri Sarawak dan di-Sabah pada masa ini mengenai masaalah yang sedang di-binchangkan, sa-kira-nya di-timbang sa-telah ini, perlu bagi undang² ini di-sambungkan kuasa-nya di-luaskan kuat-kuasa-nya untuk meliputi di-Sarawak, maka bagi pehak Kementerian Ke'adilan akan menimbang-nya dan akan membawa perkara itu kepada Dewan ini lagi. Demikian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang memberi fikiran sedikit di-dalam perkara Rang Undang² yang di-kemukakan di-rumah yang berbahagia pada hari ini, kerana pada perasaan saya patut-nya undang² yang sa-macham ini yang menguatkuasakan nafkah² di-beri kepada perempuan² dan anak² yang telah bercherai daripada suami-nya, atau pun di-tinggalkan oleh suami-nya patut sudah lama berjalan.

Saya mengerti, ia-itu di-dalam hukuman shara'iyah kita sa-memanglah ada kuasa bagi kadhi² meletakkan dan menetapkan, ia-itu nafkah bagi yang di-tanggung itu hendak di-beri

oleh laki², atau yang bertanggung-jawab. Tetapi kuat-kuasa executive power hendak memberikan nafkah itu supaya dapat sampai kepada yang berkehendakkan, yang memerlukan nafkah itu tidak di-jalankan, maka dengan sebab itu saya rasa Rang Undang² ini walau sa-kali pun di-bawa dan meliputi kepada orang² yang bukan beragama Islam akan di-terima dengan tangan yang terbuka oleh orang² yang beragama Islam juga, kerana kekurangan kuat-kuasa yang di-beri kepada Mahkamah Shara'iyah menjalankan kuat-kuasa menyampai-kan nafkah itu kepada orang yang patut menerima. Jadi, dengan itu saya rasa tidak payah-lah di-bahath melainkan memberi sokongan yang penoh kepada Rang Undang² yang telah di-bentangkan ini. Terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini. Hanya saya hendak membawakan perhatian kepada Nombor dua. Ini, hendak-lah di-pakai bagi Negeri² Tanah Melayu sahaja. Saya nampak mengapa tidak boleh di-sebutkan Malaysia Barat. Kalau Negeri² Tanah Melayu, ini rasa saya tidak ada timbul lagi sekarang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini kerana supaya menyedarkan kaum² bapa yang telah membuat kedzaliman kebanyakan kepada bekas² isteri dia yang melepaskan isteri dia dengan anak yang banyak umpama-nya, tetapi dia tidak memberi nafkah. Dengan ada-nya undang² ini dapat-lah sa-tengah² ibu² yang menderita yang sa-rupa itu dapat pembelaan. Tetapi hanya saya meminta kepada ibu², wakil ibu² supaya mena-sehatkan ibu², kalau kita sudah beri muka ini, jangan-lah salah sedikit hendak minta cherai.

Sa-lain daripada itu dalam per-bicharaan yang sa-rupa ini, nampak-nya kaum bapa kalau dapat biar-lah kalau ada perbicharaan di-mahkamah supaya dapat menggunakan pembelaan, ia-itu peguam supaya dapat-lah kaum bapa ini tidak pula di-zalimi oleh kaum ibu. Terima kaseh.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini. Saya fikir elok kalau Kerajaan Pusat dapat menganjorkan satu persidangan dengan menjemput wakil² Kerajaan Negeri dan juga Kadzi² dan lain² pegawai Jabatan Ugama dan meminta kepada mereka supaya Negeri masing² menerima Rang Undang² ini dan juga untok membincangkan chara melaksanakan sharat² yang ada di-dalam Rang Undang² ini. Kita harap dengan ada-nya persidangan itu yang di-hadhiri oleh wakil² yang saya sebutkan tadi dapat-lah kita uniformity of implementation atau pun persamaan pelaksanaan mengenai sharat² yang ada di-dalam Rang Undang² ini. Sekian sahaja, terima kaseh.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak Majlis Kebangsaan Pertubohan² Wanita Malaysia yang mengandongi sa-belas Pertubohan dan persatuan² bergabung, ada-lah dengan ikhlas-nya menguchap-kan ribuan terima kaseh yang tidak terhingga kepada Kerajaan Pusat dan juga terutama-nya kepada Kementerian Ke'adilan yang telah sunggoh² nampak-nya melayani permohonan atau rayuan daripada Majlis Pertubohan² Wanita supaya pehak Kerajaan dapat mengadakan satu rang undang² yang sa-bagaimana di-ke-mukakan pagi ini di-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami bagi pehak wanita memandangkan telah-lah sampai masa-nya, 10 tahun Merdeka, Kerajaan telah dan sedang sibok dengan membaiki Pertadbiran Negara, Pembangunan Ekonomi Negara, dan meninggikan ekonomi taraf hidup ra'ayat, maka di-sambil itu Kerajaan di-harap dan di-pohon mengaleh sedikit pandang-nya ka-arrah masharakat Kaum Wanita negeri ini, yang mana juga menjadi sa-bahagian daripada ra'ayat negeri ini, yang juga hak dan tanggung jawab-nya terhadap negara ada-lah sama. Dengan itu hak dan susunan taraf hidup dan kesejahteraan rumah tangga dan anak mereka di-perbaiki mengikut kehendak adilan demi bagi kebaikan bersama.

Maka dengan memandangkan inilah kami berani mengemukakan ka-pehak Kerajaan melalui Kementerian Ke'adilan perkara ini dari beberapa perkara lagi untuk pertimbangan dan tindakan Kerajaan dengan sa-wajar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang² ini apabila di-luluskan oleh Parlimen ada-lah memberi perlindungan kepada isteri² dan anak² yang bukan Islam. Tetapi sungguh pun begitu ada juga di-ator dan di-tunjokkan untuk faedah isteri² dan anak² bagi orang Islam.

Tetapi, sa-telah Kerajaan Pusat merojokkan, dan di-terima, di-luluskan oleh Kerajaan² Negeri dan Majlis Meshuarat Undangan Negeri² Malay-sia Barat. Berhubung dengan ini saya running dan khuatir, tetapi saya per-chaya Ahli Meshuarat Undangan Negeri, terutama Ahli² Wanita-nya akan usaha bersungguh² dan menyokong supaya rang undang² ini di-luluskan dan di-amalkan di-Peringkat Negeri bagi memberi perlindungan isteri² dan anak² Islam.

Di-sini sa-kali lagi saya menghulor jari sa-puloh kepada Kerajaan dan Kementerian, khas-nya Yang Berhor-mat Menteri Kehakiman dan Ke'adilan yang telah dapat melayani, atau memohon kehendak Kaum² Wanita Negeri ini, melalui Majlis Kebangsaan Pertubohan² Wanita Malaysia. Terima kaseh.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak): Mr Speaker, Sir, although in the State of Sarawak there is provision for asking maintenance by a wife for maintenance of herself or her children, in case of desertion by the husband, it is unfortunately now incorporated in the Criminal Procedure Code which is mixed up with the other matters of criminal actions. What I find lacking in our Sarawak provision is that there is no machinery whereby a court can act to get the money for the unfortunate mother or the children, because all that the court can do in such cases is to make an order, but husbands of that sort usually would not care very much to

pay up. As a result, the poor women will have to go back to the court again or ask for legal aid of some sort, and one knows—I do know—that it is very costly to seek legal aid, and usually an order would be for a sum of \$50 to \$70 a month which does not make it worthwhile for the woman sometimes to go to court again to get the money.

I notice here that there is a specific provision of attachment, which is a great improvement, to my mind, as to how the money could be obtained for the children and the woman, who is in the unfortunate situation, where she finds herself deserted by the man. I do feel that the time has come not only for the provision of the implementation of a court order as this act now provides, but there should also be a separate Act whereby in matrimonial matters of this sort, the children, wives, or even illiterate children, would be entitled to get some maintenance from the father under certain circumstances and the procedure should be made as simple as possible, probably, say, a Social Welfare Officer can sometimes act on behalf of the mother or the children in such a case. We know that a mother, particularly a woman who had been deserted, might be illiterate and poor and would not be able to seek any legal help, apart from going to a Social Welfare Officer; and we know as a fact that at present the Social Welfare Officer could not act on behalf of these unfortunate people. I think the Honourable Minister had indicated that his Ministry would look into it, but my appeal is not only that this provision should be extended to Eastern Malaysia, particularly Sarawak, but also that he should look into the overall problem and bring a new Act whereby this whole question of maintenance can be incorporated into it.

PENANGGOHAN MESHUARAT

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan bahawa pertimbangan urusan yang ada di-hadapan Majlis ini di-tempohkan dan Majlis ini ditangguhkan sekarang ini.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ditanggohkan hingga pukul 4.00 petang, hari Ithnin, 22 haribulan Januari, 1968.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.